

**TAHAP KESEDARAN BERWAKAF WANG TUNAI DALAM KALANGAN
PENJAWAT AWAM DI NEGERI TERENGGANU**

***AWARENESS LEVEL OF CASH WAQF AMONG PUBLIC
SERVANTS IN TERENGGANU STATE***

MOHD RIDZUAN MOHAMAD¹

¹ Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Jalan Sultan Muhamad,
20519, Kuala Terengganu. Email: duan_shi@yahoo.com

*Corresponding Author: duan_shi@yahoo.com

Received Date: 15 November 2024 • Accepted Date: 15 December 2024 • Published Date: 14 January 2025

Abstrak

Wakaf tunai merupakan suatu tuntutan sunnah dalam pensyariaan Islam. Dari sudut tadbir urus, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) mempunyai peranan utama terhadap pengurusan wakaf tunai di Terengganu. Namun demikian, permasalahan yang dihadapi oleh MAIDAM ialah hasil kutipan dana wakaf tunai tidak begitu signifikan. Justeru, objektif kajian ini akan mengkaji tahap kefahaman wakaf tunai dalam kalangan penjawat awam. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kuantitatif yang melibatkan para responden seramai 248 orang kakitangan awam di Terengganu. Data yang diperoleh dianalisis mengikut Statistical Process for the Social Sciences (SPSS), tiga bentuk ujian dilaksanakan iaitu ujian deskriptif, inferensi dan kolerasi Pearson. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa tahap pengetahuan tentang wakaf wang tunai mempunyai tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Tiga tahap ini dijadikan sebagai panduan kepada pihak MAIDAM untuk bertindak bagi mempertingkatkan lagi kutipan wakaf tunai pada masa akan datang.

Kata Kunci: Wakaf Tunai, Penjawat Awam, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu

Abstract

Cash waqf is a sunnah requirement in Islamic law. From a governance point of view, the Terengganu Islamic Religious and Malay Customs Council (MAIDAM) has an important role in the management of cash waqf in Terengganu. There is a problem regarding the position of cash waqf which is that the contribution is still at a low level. The objective of this study will examine the level of understanding of cash waqf among civil servants. This study uses a quantitative research method involving the respondents of 248 civil servants in Terengganu. The data obtained was analyzed according to the Statistical Process for the Social Sciences (SPSS), three forms of tests were carried out, namely descriptive, inference and Pearson correlation tests. Overall, this

study found that the level of knowledge about cash waqf has three levels: low, medium and high. These three stages are used as a guide for MAIDAM to act to improve cash waqf collection in the future further.

Keyword: Cash waqf, Public Servants & Terengganu Islamic Religion And Council Malay Custum (MAIDAM)



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite as: Mohd Ridzuan Mohamad. 2025. Tahap Kesedaran Berwakaf Wang Tunai dalam Kalangan Penjawat Awam di Negeri Terengganu [Awareness Level of Cash Waqf Among Public Servants in Terengganu State]. *Malaysian Journal For Islamic Studies* 9(1): 41-61.

PENGENALAN

Syariat Islam mengambil berat tentang kedudukan harta. Menurut Mustafa al-Siba'i (1964), para pemerintah diamanahkan untuk menguruskan beberapa kedudukan harta seperti pengagihan zakat, *ghanimah* (harta rampasan perang), cukai dan sebagainya. Bagi harta wakaf pula, pemerintah juga diamanahkan untuk dimanfaatkan kepada masyarakat awam (Al-Mawardi, tt). Mengenai harta wakaf tunai di Terengganu, keputusan jawatankuasa fatwa negeri Terengganu Kali ke-2 bertarikh 4 Oktober 2017 memutuskan bahawa Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) merupakan sebuah badan yang sah mengikut hukum syarak yang bertindak sebagai nazir bagi mengendalikan pengurusan wakaf tunai dengan syarat wang yang dikumpulkan perlu ditukarkan dalam bentuk aset yang kekal. Keputusan terperinci sebagaimana berikut:

‘Wang tunai yang disumbangkan oleh mana-mana pihak melalui skim ini akan dijadikan wakaf setelah pihak MAIDAM yang dilantik sebagai wakil membeli, membuat atau membina sebarang harta yang berkonsepkan aset kekal. Sebagai nazir wakaf, pihak MAIDAM boleh mengambil caj pengurusan daripada pewakaf berdasarkan hasil wakaf dan bukan ke atas tabung dana skim wakaf tunai.’

Walaupun, keputusan fatwa terbaharu iaitu keputusan fatwa negeri Terengganu Kali Ke-7 Bertarikh 6 November 2023 menjelaskan pula bahawa wang tunai tidak lagi perlu ditukarkan sebagai aset kekal dan wang tunai tersebut telah dikira sebagai ‘*mawquf*’ atau harta wakaf. Dari sudut agihan manfaat wakaf tunai, tiga (3) sektor diutamakan iaitu institusi keagamaan Islam, sektor pendidikan, sektor sosial dan keusahawanan. Daripada sektor tersebut, pihak MAIDAM telah memperhalusi pembahagiannya iaitu dalam bentuk skim bantuan antaranya bantuan kebajikan anak yatim, bantuan pemulihan perkuburan Islam, bantuan peralatan dan pembaikan kecil sekolah agama, bantuan program keagamaan yang dilaksanakan oleh pihak masjid dan surau (MAIDAM, 2018). Agihan manfaat wakaf ini turut memberi sumbangan positif masyarakat khusus rakyat negeri Terengganu, melalui agihan

bantuan tersebut, daerah Kuala Terengganu adalah paling banyak menerima jenis bantuan tersebut iaitu sebanyak 42.7% diikuti daerah-daerah yang lain iaitu Marang 20.3%, Kuala Nerus 8.7 %, Setiu 6.7%, Dungun 6.7 %, Kemaman 5.8%, Hulu Terengganu 3.8% dan Besut 4.8% (Ridzuan, 2020).

DEFINISI WAKAF

Wakaf berasal daripada perkataan bahasa Arab yang mempunyai tiga huruf iaitu *waw-qāf* dan *fā*. Mengikut ilmu *Ṣaraf*, perkataan *waw-qāf-fā* merupakan kata kerja iaitu *fi'il mujjarad thulāthī* (Muhamad Muṣṭafa, 2010). Dari sudut pengertian bahasa (terminologi), wakaf bermaksud berhenti (Ibnu Manẓur, 1990), bagi pengertian dari sudut hukum syarak (etimologi) pula, wakaf merupakan harta yang telah dilepaskan hak milik oleh seseorang dan harta tersebut digunakan untuk tujuan ibadat dan ia juga dinamakan sebagai sedekah jariah (Muhamad Mustafa, 2010). Para ulama berbeza pendapat mengenai kedudukan wakaf dari sudut hukum fiqh. Menurut Mazhab Syafei, wakaf merupakan harta hak mutlak Allah SWT dan pewakaf tidak boleh mengambil semula harta tersebut selepas mewakafkannya (al-Nawawi, 2004). Namun menurut Mazhab Maliki, pemilik boleh memiliki harta wakaf tetapi harta tersebut mestilah digunakan untuk kebajikan seperti manfaat kepada fakir miskin, anak yatim dan sebagainya (Badran, 1986). Menurut Mazhab Hanbali pula, pewakaf tidak boleh memiliki harta tersebut kerana telah terputus haknya (Ibnu Qudāmah, 1990). Dalam konteks ini, Mazhab Syafii dan Hanbali mempunyai pandangan yang sama terhadap hukum wakaf. Berbeza pula dalam Mazhab Hanafi, pemilik wakaf boleh memiliki harta wakaf namun tidak boleh menggunakan manfaatnya kerana manfaat tersebut dikira sebagai wakaf yang berkekalan (Ibnu Al-Himam, 1977). Wakaf merupakan harta yang telah ditahan atau terputus hak pewakaf untuk segala urusan sama ada untuk dijual beli, hibah, pewarisan, wasiat dan sebagainya. Walau bagaimanapun harta wakaf tetap kekal sepanjang masa dan tidak lagi dikembalikan kepada pewakaf (JAWHAR, 2009).

WAKAF TUNAI

Terdapat perbezaan pendapat tentang hukum mewakafkan dinar atau dirham sama ada dibolehkan atau tidak. Ini kerana pada dasarnya sesebuah harta wakaf mestilah bersifat kekal seperti tanah atau bangunan. Justeru, disebabkan dinar atau dirham tidak termasuk dalam kategori tersebut maka terdapat dua pandangan dalam kalangan para ulama tentang perkara ini, pendapat pertama membenarkan manakala pendapat kedua tidak membenarkan (Ibn Qudāmah, 1968).

Beberapa buah negara di rantau Asian telah membenarkan pelaksanaan wakaf tunai seperti merujuk keputusan Majlis Ulama Indonesia pada 11 Mei 2022, Keputusan Majlis Agama Islam Singapura pada 1995 dan undang-undang Islam di Brunei iaitu Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggag 77) Seksyen 98 (Fatullah, 2017). Di Malaysia, wakaf tunai mulai dilaksanakan pada tahun 2007. Isu berkaitan tentang hukum sama ada dibolehkan atau tidak, ia telah diputuskan oleh pihak autoriti bahawa hukum berwakaf dengan menggunakan wang tunai adalah dibolehkan sebagaimana diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu Kali Ke-7 Penggal Ke-7 bertarikh 31 Januari 2007

(Jabatan Mufti Negeri Terengganu, 2011) dan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali Ke-77 bertarikh 10-12 April 2007 (JAWHAR, 2010).


Dari sudut pelaksanaan wakaf pula, pihak yang berautoriti yang mengendalikan tadbir urus tersebut adalah Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) selaras mengikut kehendak perundangan negara iaitu Perlembagaan Persekutuan di bawah Senarai Negeri, Jadual Kesembilan (Ridzuan, 2021). Kedudukan wakaf tunai yang berada di peringkat MAIN merupakan satu perkara penting kerana ia merupakan satu kaedah untuk memperoleh dana atau sumber kewangan bagi pembiayaan pembangunan tanah-tanah wakaf yang berpotensi dibangunkan (Suriani, 2021). Sehubungan itu, pihak MAIN juga ke arah memperkasakan kutipan wakaf tunai dengan melaksanakan kerjasama dengan beberapa pihak antaranya Institut Pengajian Tinggi (IPT) seperti UKM, UPM, USIM, UniSZA, UMT dan juga IPTA iaitu Universiti College Bistari (UCB) (Ashraf Ramli, 2019). Di Terengganu, MAIDAM merupakan sebuah badan yang bertanggungjawab bagi mengendalikan segala urusan perwakafan termasuk wakaf tunai selaras di bawah Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 Seksyen 4 dan dalam enakmen ini telah menjelaskan secara lebih khusus tentang wakaf tunai di bawah seksyen 2 iaitu: ‘wakaf tunai’ ertinya apa-apa sumbangan wang tunai, nilai emas atau yang seumpama dengannya daripada mana-mana orang bagi apa-apa maksud wakaf

PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan dalam kajian ini ialah pihak MAIDAM tidak mencapai sasaran kutipan wakaf tunai iaitu RM 1 juta bagi setiap tahun, hanya 30% sahaja yang diperoleh dan ini berlaku sejak 2 tahun berturut-turut (Fattah & Siti Hajar, 2024). Menurut kajian Hal ini Nadiyah, et al (2015), sumbangan wakaf tunai yang diperoleh oleh pihak MAIDAM terlalu rendah antara faktornya ialah ramai dalam kalangan rakyat Terengganu khususnya di daerah Besut masih tidak memahami konsep wakaf tunai. Ini disebabkan, pihak MAIDAM tidak begitu aktif melaksanakan pendedahan dan promosi tentang perkara tersebut kepada pihak orang ramai. Dalam kajian Ibrahim et al (2013), kekurangan pendedahan tentang amalan berwakaf kepada masyarakat akan memberi impak negatif untuk membina kesedaran terhadap masyarakat dan dalam masa yang sama ianya akan merugikan untuk membina sosioekonomi umat Islam dengan lebih cemerlang.

KERANGKA KONSEP

Kajian literatur merupakan satu kaedah bagi menyoroti penulisan yang lepas untuk mengenal pasti bagaimana data-data terdahulu diperjelaskan (Siti Uzairiah, 2018). Kajian yang dijalankan oleh Nadiyah, et al (2015) berkait kefahaman wakaf tunai dalam kalangan masyarakat khususnya di Terengganu adalah melibatkan kerangka konsep iaitu:



Rajah 1: Kerangka Konsep Kefahaman Masyarakat Tentang Wakaf Tunai

Berdasarkan rajah 1 di atas, dua pemboleh ubah bersandar yang berkait kefahaman wakaf tunai iaitu promosi dan pengetahuan. Menurut Nor Aishah et, al (2015), pelaksanaan promosi wakaf adalah penting untuk mempengaruhi dan membudayakan masyarakat berwakaf. Selain faktor promosi, beberapa faktor lain juga turut mempengaruhi masyarakat berwakaf iaitu faktor kefahaman dan faktor kewangan (Syed Muhammad et al, 2017). Menurut Hafiz Fauzi et al, (2019), faktor kefahaman adalah penting berbanding faktor yang lain kerana kesanggupan seseorang berwakaf tidak terbatas kepada kedudukan kewangannya kerana berwakaf boleh dilaksanakan dengan jumlah had minimum yang rendah sebagaimana di tetapkan oleh setiap MAIN, faktor ini juga disokong oleh Wan Nuraihan et al. (2021). Justeru, Objektif kajian ini ialah mengenal pasti tentang perkara berikut:

- a. Tahap kefahaman dalam kalangan kakitangan awam di Terengganu tentang
- b. Perbezaan tentang ‘pengetahuan’ dan ‘promosi’ antara kakitangan awam mengikut tahap pendidikan dan gred perkhidmatan.
- c. Hubungan pemboleh ubah bersandar antara ‘pengetahuan’ dan ‘promosi’ wakaf tunai.

Pemilihan ini selari dengan dasar pelaksanaan MAIDAM iaitu salah satu kaedah kutipan wakaf yang terbesar adalah dibuat secara potongan gaji terhadap kakitangan kerajaan selain terdapat beberapa kaedah yang lain seperti pembayaran secara tunai, pungutan melalui tabung dan juga secara perbankan internet (MAIDAM, 2018). Bagi kelompangan kajian pula, terdapat beberapa kajian sebelum ini memfokuskan kepada beberapa skop kajian tertentu sama ada melalui pendekatan kualitatif mahu pun kuantitatif dan antara yang dikenal pasti adalah masih tidak banyak kajian secara mendalam terhadap penyumbang wakaf tunai yang terdiri dalam kakitangan awam khususnya di negeri Terengganu.

METODOLOGI

Metodologi kajian yang dijalankan adalah mengikut etika atau disiplin ilmu yang telah ditetapkan, hal ini selaras dengan falsafah sebuah penyelidikan. Penyelidikan merupakan proses bagi menentukan suatu kejadian atau fenomena berada pada landasan yang betul. Dengan melalui proses penyelidikan yang betul, ianya akan dapat menghasilkan pelbagai manfaat antaranya membentuk suatu teori atau kerangka konsep yang baharu (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016). Prosedur kajian ini adalah terdiri reka bentuk kajian, populasi kajian,

pensampelan kajian, instrumen kajian, prosedur kajian, kaedah pengumpulan data, analisis data dan kesimpulan.

Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu mengkaji tentang perspektif kakitangan awam Terengganu terhadap sumbangan wakaf tunai yang berkait nilai min item, ujian inferensi (perbezaan) dan ujian kolerasi *pearson* (hubungan).

Populasi Kajian

Populasi adalah kumpulan sasaran yang dikaji (Airasian, 2003). Sasaran populasi dalam kajian ini adalah kakitangan penjawat awam di negeri Terengganu sebagai Pemboleh Ubah Tidak bersandar. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2023, bilangan kakitangan kerajaan di negeri Terengganu adalah seramai 63,923 orang yang terdiri daripada 23,354 lelaki dan 37,569 perempuan. Status perjawatan tersebut adalah tetap, sementara, jawatan Khas Untuk Penyandang (KUP), jawatan Simpanan Latihan Dalam Kumpulan (SLDK), jawatan Tambahan Sementara (ST), dan jawatan jumud. Ia tidak termasuk perjawatan sambilan, Khidmat Singkat (KS), sandaran, kontrak dan jawatan Berasaskan Caruman (BC). Kesemua status jawatan ini tidak melibatkan tiga buah agensi iaitu badan kehakiman, polis dan tentera (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023).

Pensampelan Kajian

Teknik pensampelan mempunyai dua (2) jenis iaitu kebarangkalian rawak '*probability*' dan bukan kebarangkalian rawak '*non probability*'. Terdapat beberapa jenis pecahan pula bagi kedua pensampelan ini, bagi teknik kebarangkalian rawak, terdapat lima (5) pecahan iaitu teknik pensampelan mudah '*simple*', strata '*stratified*', kelompok '*kluster*', sistematik '*systematic*' dan pelbagai lapisan '*multistage*' (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016). Para penyelidik akan memilih salah satu teknik berdasarkan kesesuaian kajiannya, dalam konteks kajian ini, teknik pensampelan yang digunapakai adalah teknik kebarangkalian rawak kelompok '*kluster*'. Sampel kajian ialah kumpulan orang yang dipilih untuk mewakili sesuatu populasi. Maklumat sampel digunakan untuk menganggarkan populasi parameter seperti min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan, dan kolerasi. Jumlah secara rawak adalah berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970) sepertimana jadual di bawah:

N	S	N	S	N	S	N	S	N	S
10	10	100	80	280	162	800	260	2800	338
15	14	110	86	290	165	850	265	3000	341
20	19	120	92	300	169	900	269	3500	346
25	24	130	97	320	175	950	274	4000	351
30	28	140	103	340	181	1000	278	4500	354
35	32	150	108	360	186	1100	285	5000	357
40	36	160	113	380	191	1200	291	6000	361
45	40	170	118	400	196	1300	297	7000	364
50	44	180	123	420	201	1400	302	8000	367
55	48	190	127	440	205	1500	306	9000	368
60	52	200	132	460	210	1600	310	10000	370
65	56	210	136	480	214	1700	313	15000	375
70	59	220	140	500	217	1800	317	20000	377
75	63	230	144	550	226	1900	320	30000	379
80	66	240	148	600	234	2000	322	40000	380
85	70	250	152	650	242	2200	327	50000	381
90	73	260	155	700	248	2400	331	75000	382
95	76	270	159	750	254	2600	335	100000	384

Jadual 1: Penentuan Saiz Sampel Menurut Krejcie dan Morgan (1970)

Merujuk jadual 1 di atas, bilangan populasi dalam kajian ini adalah seramai 367 orang berdasarkan nisbah jumlah keseluruhan populasi kakitangan awam di negeri Terengganu seramai 63,923. Borang soal selidik telah diedarkan sebanyak 367 borang dan dijawab adalah sebanyak 248 atau 68%.

Instrumen Kajian

Instrumen dalam kajian ini menggunakan kaedah borang soal selidik. Borang terbahagi kepada 3 bahagian, bahagian A maklumat responden manakala bahagian B pengukuran tahap pengetahuan wakaf tunai dalam kalangan kakitangan awam Terengganu. Bahagian C pula mengukur keperluan promosi kepada kakitangan awam Terengganu. Bahagian A mempunyai 5 item iaitu A1 hingga A5, Bahagian B pula mempunyai 10 item iaitu B1 hingga B10 manakala Bahagian C mempunyai 9 item iaitu C1 hingga C9. Di bahagian B dan C mempunyai pengukuran 5 skala liket yang terdiri 1=sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, kurang setuju=3, setuju=4 dan sangat setuju=5.

Prosedur Kajian

Prosedur kajian ini dilaksanakan mengikut protokol yang ditetapkan iaitu mengenalpasti populasi dan pensampelan kajian, kajian rintis, pengumpulan data, menganalisis dan mentafsir data serta dapatan.

Kaedah Pengumpulan Data

Dua kaedah pengumpulan data dilaksanakan iaitu data primer dan data sekunder. Data primer adalah maklumat yang diperoleh melalui borang soal selidik kakitangan kerajaan Terengganu manakala data sekunder pula diperoleh daripada artikel, jurnal, buku, kitab *turath*, dan laporan MAIDAM.

Kajian rintis

Kajian rintis dilaksanakan bagi menguji keberkesanan terhadap instrumen yang dibina untuk menilai dalam kajian yang sebenar. Sebanyak 25 borang soal selidik diedarkan melalui 'google form' secara rawak bersasar kepada kakitangan kerajaan Terengganu. Kemudiannya, ujian 'Cronbach Alpha' dilaksanakan ke atas hasil tersebut melalui *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Menurut Roscoe (1975), jumlah yang sampel kajian rintis adalah tidak melebihi daripada 500 orang. Paras nilai signifikan (sig)'Cronbach Alpha' ialah tidak kurang daripada > 0.6 , sekiranya nilai tidak signifikan, maka instrumen tersebut tidak sesuai untuk kajian sebenar di lapangan nanti (Rafi Yaacob & Mardhiah Kamaruddin, 2019). Sehubungan itu, nilai min keseluruhan (19 item) adalah $p=0.75$ (Sig >0.6). Bagi konstruk pula, nilai 'Pengetahuan' adalah $p=0.7$ (sig >0.6) manakala nilai 'Promosi / hebahan' pula ialah $p=0.92$ (sig >0.6).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Sebelum dapatan kajian diperoleh, beberapa langkah analisis yang dilaksanakan, pertama proses *check missing* data, setelah dibuat proses ini tiada mendapati data-data yang hilang. Kedua proses *compute* data. Berdasarkan 19 item ini, dua (2) Pemboleh Ubah Bersandar distrukturkan setelah proses *compute* data dilaksanakan. Akhirnya, dapatan kajian ini akan menjelaskan iaitu ujian *normality*, maklumat demografi (*frequencies*), analisis deskriptif, ujian inferensi dan ujian kolerasi *pearson*.

Ujian *normality*

Proses ini dilaksanakan untuk mengenal pasti data tersebut berada pada tahap normal (*parametric* data) atau tidak (*non parametric*). Kedudukan ini penting terhadap ujian selanjutnya sama ada untuk ujian inferensi dan ujian kolerasi *pearson*. Hasil ujian data ini sebagaimana rajah di bawah:

Jadual 2: Ujian *normality* data (*Kolmogorof & Shapiro*)

	<i>Kolmogorof-Smirnov</i>			<i>Shapiro-Wilk</i>		
	Statistic	df	Sig	Statistic	df	Sig
Pengetahuan	0.08	248	0.00	0.97	248	0.00
Promosi	0.14	248	0.00	0.89	248	0.00

Nilai *Komogorof-Smirnov* digunakan bagi data melebihi 50 sampel ke atas. Bacaan signifikan bagi aras *normality* data mestilah lebih besar daripada >0.05 . Justeru nilai *Komogorof-Smirnov* bagi pemboleh ubah 'Pengetahuan' dan 'Promosi' dalam Jadual 9 di atas adalah 0.00 (Sig) maka data tersebut menunjukkan tidak normal. Oleh demikian, terdapat pendekatan yang lain bagi menentukan aras *normality* data iaitu. Kaedah nilaian *Skewness*, bacaan signifikannya ialah -1.96 hingga 1.96. Kedua-dua pemboleh ubah ini adalah signifikan sebagaimana hasil ujian *normality* data di bawah:

Jadual 3: Ujian *normality* data (Skewness)

Pengetahuan	-0.16
Promosi	-0.82

Maklumat demografi

Latar belakang demografi dianalisis untuk mengenal pasti kekerapan (*frequency*) dan peratus (*percent*). Terdapat lima (5) konstruk iaitu pertama, jantina yang terdiri lelaki dan perempuan. Kedua, umur (tahun) iaitu 21-30, 31-40, 41-50 dan 50-60. Ketiga, pendidikan tertinggi iaitu SPM, STPM/Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana / Master. Keempat, tempoh perkhidmatan (tahun) iaitu 10 ke bawah, 11-20, 21-30 dan 30-40. Kelima, gred perkhidmatan iaitu 11-16, 19-26, 29-40, 41-48 dan 52-54. Hasil ujian *frequencies* demografi ini sebagaimana berikut:

Jadual 4: Data Demografi

Latar Belakang Demografi	Kekerapan (<i>Frequency</i>)	Peratus (<i>Percent</i>)
<u>JENTINA</u>		
Lelaki	82	33.1%
Perempuan	166	66.9%
<u>UMUR</u>		
21-30 tahun	35	14.1%
31-40 tahun	62	25.0%
41-50 tahun	89	35.9%
51-60 tahun	62	25.0%
<u>PENDIDIKAN TERTINGGI</u>		
SPM	4	1.6%
STPM/Diploma	31	12.5%
Ijazah Sarjana Muda	197	79.4%
Ijazah Sarjana / Master	16	6.5%
<u>TEMPOH PERKHIDMATAN</u>		
10 tahun ke bawah	65	26.2%
11-20 tahun	91	36.7%
21-30 tahun	77	31.0%
31-40 tahun	15	6.0%

GRED PERKHIDMATAN	3	1.2%
11-16	46	18.5%
19-26	58	23.4%
29-40	120	48.4%
41-48	21	8.5%
52-54		

Paras skor Min

Jadual 5: Skor Min

Skor Min	
Tahap	
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.66	Sederhana
3.67-5.00	Tinggi

Analisis deskriptif

Analisis deskriptif terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu ‘Pengetahuan’ dan ‘Promosi’ hasilnya seperti mana berikut:

Jadual 6: Analisis Deskriptif Konstruk

Pemboleh ubah	Bil	Purata Min	Skor	Sisihan Piawai	Tahap
Tahap kefahaman tentang wakaf tunai dalam kalangan penjawat awam	248	3.29		0.40	Sederhana
Bentuk peningkatan kutipan wakaf tunai melalui kaedah ‘promosi’ menurut kakitangan awam Terengganu	248	4.57		0.38	Tinggi

Berdasarkan Jadual 6 di atas, nilai min bagi pemboleh ubah iaitu tahap kefahaman tentang wakaf tunai dalam kalangan penjawat awam berada pada tahap yang sederhana dengan nilai skor min 3.29 dan sisihan piawai 0.40 manakala bentuk peningkatan kutipan wakaf tunai melalui kaedah ‘promosi’ menurut kakitangan awam Terengganu pula berada pada tahap yang tinggi dengan nilai skor min 4.57 dan sisihan piawai sebanyak 0.38. Bagi nilai skor min dan sisihan piawai mengikut keseluruhan item sebagaimana perincian di bawah:

Jadual 8: Analisis deskriptif bagi keseluruhan item

Objektif 1: Tahap kefahaman tentang wakaf tunai dalam kalangan penjawat awam									
No	Penjelasan	Sangat	Tidak	Kurang	setuju	Sangat	Nil	Sisih	Tahap
Ite	Item	tidak	Setuju	setuju		setuju	ai	an	
m	(Kekerapan	setuju					Mi	Piaw	
	)						n	ai	
B1	Saya tidak mengetahui apa sebenarnya wakaf tunai	41(16.5 %)	54(21.8 %)	66(26.6 %)	67(27.0 %)	20(8.1 %)	2.88	1.21	Sederhana
B2	Saya hanya mengetahui wakaf tapak masjid, surau dan kubur	19(7.7 %)	49(19.8 %)	49(19.8 %)	99(39.9 %)	32(12.9 %)	3.31	1.15	Sederhana
B3	Sumbangan wakaf tunai tidak penting kepada masyarakat.	175(70.6 %)	56(22.6 %)	7(2.8 %)	7(2.8 %)	3(1.2 %)	1.42	0.78	Rendah
B4	Sumbangan wakaf tunai bukan tanggungjawab masyarakat tetapi pihak Kerajaan.	162(65.3 %)	57(23.0 %)	17(6.9 %)	10(4.0 %)	2(0.8 %)	1.52	0.85	Rendah
B5	Sumbangan wakaf tunai hanya diutamakan	32(12.9 %)	67(27.0 %)	99(39.9 %)	43(17.3 %)	7(2.8 %)	2.70	0.99	Sederhana

	kepada mereka yang berpendapatan kasar dan sederhana								
B6	Wakaf tunai adalah satu instrumen bagi membantu sosio ekonomi umat Islam	1(0.4%)	-	2(0.8%)	70(28.2%)	175(70.6%)	4.69	0.53	Tinggi
B7	Sumbangan wakaf tunai yang mampu disumbangkan oleh kebanyakan masyarakat bermula serendah RM5.00/sebulan	1(4%)	2(8%)	12(4.8%)	125(50.4%)	108(43.5%)	4.36	0.65	Tinggi
B8	Saya membuat potongan gaji di bawah Skim Wakaf Tunai MAIDAM adalah untuk mendapat kelulusan cukai daripada	15(6.0%)	33(13.3%)	41(16.5%)	105(42.3%)	54(21.8%)	3.60	1.14	Sederhana

LHDN									
B9	Berwakaf melalui bayaran secara <i>online</i> banking seperti JomPay, FBX dan sebagainya dapat memudahkan masyarakat	-	9(3.6%)	34(13.7%)	94(37.9%)	111(44.8%)	4.24	0.82	Tinggi
B10	Saya lebih selesa membuat sumbangan wakaf tunai melalui potongan gaji	3(1.2%)	4(1.6%)	29(11.7%)	96(38.7%)	116(46.8%)	4.28	0.82	Tinggi

Objektif 2: Bentuk peningkatan kutipan wakaf tunai melalui kaedah ‘promosi’ menurut tahap kakitangan awam Terengganu

No Item	Penjelasan Item	Sangat tidak setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Nilai Min	Sisihan	Tahap
C1	Pihak MAIDAM perlu memperluas kan hebahan untuk meningkatkan kefahaman masyarakat tentang wakaf tunai	-	-	1(0.4%)	50 (20.2%)	197(79.4%)	4.79	0.41	Tinggi

C2	Kaedah hebahan yang lebih berkesan adalah melalui radio, laman web rasmi MAIDAM dan surat khabar	-	4(1.6%)	38(15.3%)	92(37.1%)	114(46.0%)	4.27	0.77	Tinggi
C3	Kaedah hebahan yang lebih berkesan adalah melalui pemasangan bunting atau billboard di tempat tumpuan orang ramai dan edaran risalah	-	4(1.6%)	37(14.9%)	99(39.9%)	108(43.5%)	4.25	0.76	Tinggi
C4	Kaedah hebahan yang lebih berkesan adalah melalui pengiklanan seperti <i>youtube</i> , <i>tiktok</i> dan <i>facebook</i> .	-	-	4(1.6%)	65(26.2%)	179(72.2%)	4.71	0.49	Tinggi
C5	Kaedah hebahan yang lebih berkesan adalah	-	2(0.8%)	5(2.0%)	88(35.5%)	153(61.7%)	4.58	0.57	Tinggi

	melalui slot ceramah atau kuliah di masjid, surau, jabatan kerajaan dan pelbagai tempat secara lapangan.								
C6	Hebahan wakaf tunai adalah tidak memadai dengan menjelaskan tentang fadilat atau amalan kelebihan dari sudut hukum Syarak sahaja.	-	2(0.8%)	14(5.6%)	73(29.4%)	159(64.1%)	4.57	0.63	Tinggi
C7	Hebahan kepada masyarakat perlu menyatakan kutipan sumbangan wakaf tunai digunakan untuk membina dan membaik pulih masjid, surau dan sekolah agama	-	-	5(2.0%)	67(27.0%)	176(71.0%)	4.69	0.50	Tinggi

C8	Hebahan kepada masyarakat mengenai kutipan sumbangan wakaf tunai digunakan untuk membeli aset komersial seperti premis perniagaan dan hasilnya diberikan kepada anak yatim, kos penyelenggaraan perkuburan Islam dan lain-lain mengikut kepentingan masyarakat	-	-	7(2.8%)	66(26.6%)	175(70.6%)	4.68	0.52	Tinggi
C9	Hebahan kepada masyarakat mengenai kutipan sumbangan wakaf tunai digunakan untuk membuat pusat kesihatan dan lain-lain	-	-	5(2.0%)	73(29.4%)	170(68.5%)	4.67	0.51	Tinggi

mengikut
keperluan
semasa.

Berdasarkan jadual 8 di atas, objektif pertama iaitu tahap kefahaman tentang wakaf tunai dalam kalangan kakitangan awam di Terengganu diukur dengan 10 item. Hasil analisis deskriptif ini menunjukkan nilai *mean* yang berada pada paras yang rendah iaitu item B3 (1.42) dan B4 (1.52). B3 menjelaskan tentang wakaf tunai tidak penting manfaatnya kepada masyarakat manakala B4 menjelaskan kedudukan wakaf tunai adalah tanggungjawab masyarakat dan bukannya pihak kerajaan. Paras sederhana pula ialah item B1 (2.88), B2 (3.31) dan B5 (2.70). Tiga item ini menjelaskan tahap pengetahuan wakaf tunai, wakaf tapak kubur, tapak masjid, tapak surau dan kedudukan sumbangan wakaf diutamakan kepada golongan pendapatan kasar sahaja. Bagi paras nilai *mean* tinggi pula ialah item B6 (4.69), B7 (4.36), B9 (4.24) dan (B10). Empat item ini menjelaskan bahawa wakaf tunai merupakan instrumen bagi membantu sosio ekonomi Islam, wakaf tunai mampu dilaksanakan serendah RM 5.00, berwakaf secara *online* adalah lebih mudah untuk semua lapisan masyarakat dan akhirnya berwakaf melalui potongan gaji lebih sesuai berbanding berwakaf melalui sumbangan tabung dan bayaran dikaunter MAIDAM. Bagi objektif kedua pula, bentuk peningkatan kutipan wakaf tunai melalui kaedah ‘promosi’ menurut tahap kakitangan awam Terengganu mempunyai 9 item. Hasil analisis deskriptif mendapati semua item tersebut memperoleh para nilai *mean* yang tinggi. Secara umumnya, objektif kedua menjelaskan tentang tanggungjawab MAIDAM untuk membuat hebahan wakaf tunai dan bentuk hebahan antaranya pengiklanan di radio, surat khabar, laman web rasmi MAIDAM, pemasangan bunting / billboard, youtube, tiktok, facebook dan kuliah / ceramah di masjid surau. Manakala intipati hebahan pula iaitu wakaf tunai digunakan untuk membina masjid, surau dan sekolah agama berada kedudukan pertama dengan nilai *mean* 4.69. Bagi manfaat wakaf tunai pula iaitu digunakan untuk anak yatim, kos penyelenggaraan perkuburan Islam dan lain-lain untuk kepentingan masyarakat berada kedudukan kedua dengan nilai *mean* 4.68 manakala kegunaan manfaat wakaf tunai untuk pusat kesihatan dana apa-apa perkara mengikut keperluan semasa berada kedudukan ketiga dengan nilai 4.67.

Ujian Inferensi (T-Test)

Ujian T bagi dua Sampel Bebas dijalankan untuk mengenalpasti perbezaan bagi pemboleh ubah bersandar ‘pengetahuan’ dengan ‘promosi’ berdasarkan dua item yang dipilih gred perkhidmatan dan tahap pendidikan. Sub item bagi kedua item ini pula dipilih mengikut peratus yang tertinggi sebagaimana jadual 4 di atas iaitu gred 29-40 (23.4%) dengan gred 41-48 (48.4%) dan tahap pendidikan STPM/Diploma (12.5%) dengan Ijazah Sarjana Muda (79.4%). Bagi menentukan kedudukan ujian perbezaan ini secara signifikan, parameter adalah diukur mengikut paras ujian *levene* iaitu nilai $P < 0.05$. Sehubungan itu, hasil ujian Inferensi (T-Test) bagi kedua pemboleh ubah bersandar ini sepertimana dapatan di bawah:

Jadual 10: Ujian Inferensi (T-Test) Bagi Tahap Pendidikan

	Tahap Pendidikan	Nilai T	df	Sig (2-tailed)
(1)	Tahap kefahaman tentang wakaf tunai dalam kalangan penjawat awam Terengganu	2.00	46.8	0.51
		2.08	22.6	0.08
(2)	Bentuk peningkatan kutipan wakaf tunai melalui kaedah 'promosi' menurut tahap kakitangan awam Terengganu			

Jadual 11: Ujian Inferensi (T-Test) Bagi Skim / Gred Perkhidmatan

		Skim Perkhidmatan	N	Mean	Nilai T	df	Sig (2- tailed)
(1)	Bentuk peningkatan wakaf tunai kaedah melalui 'promosi' menurut tahap kakitangan awam Terengganu	Gred 29-40	58	4.71			
					3.86	176	0.00
		Gred 41-48	120	4.46			
		Gred 29-40	58	3.41			
(2)	Tahap kefahaman tentang wakaf tunai dalam kalangan penjawat awam Terengganu				3.77	176	0.00
		Gred 41-48	120	3.19			

Berdasarkan jadual 10 di atas, hasil ujian infrensi pemboleh ubah bersandar 'pengetahuan' bagi tahap pendidikan antara STPM/Diploma dengan Ijazah Sarjana Muda iaitu nilai $p=0.51$ (>0.05) dan 'promosi' pula $p=0.08$ (>0.05) menunjukkan tiada perbezaan antara

kedua gred ini terhadap kefahaman tentang wakaf tunai. Manakala jadual 11 pula, nilai bagi ‘pengetahuan’ dan ‘promosi’ adalah $p=0.00$ (<0.05) menunjukkan terdapat perbezaan di antara kakitangan awam bagi gred 29-40 dengan gred 41-48 berkenaan bentuk-bentuk promosi dan pengetahuan wakaf tunai di Terengganu. Nilai *mean* bagi kedua pemboleh ubah ini gred 29-40 adalah lebih tinggi berbanding gred 41-48.

Ujian Kolerasi *Pearson*

Analisis kolerasi *pearson* dijalankan bagi mengenal pasti hubungan kedua pemboleh ubah bersandar iaitu ‘pengetahuan’ dengan ‘promosi’ sebagaimana hasil dapatan berikut:

Jadual 13: Ujian Kolerasi *Pearson*

		Pengetahuan	Promosi
PENGETAHUAN	Pearson		
	Correlation	1	.166**
	<i>Sig. (2-tailed)</i>		.009
	N	248	248
PROMOSI	Pearson		
	Correlation	.166**	1
	<i>Sig. (2-tailed)</i>	.009	
	N	248	248

***. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).*

Berdasarkan jadual 12 di atas, hasil ujian kolerasi *pearson* iaitu nilai pekali korelasi bagi kedua hubungan pemboleh ubah bersandar ‘pengetahuan’ dengan promosi adalah nilai $r=0.16^{**}$ dan nilai $P=0.00$ ($P<0.05$). Ini menunjukkan kedua pemboleh ubah berhubung secara positif dengan kekuatan perhubungan pada tahap sederhana.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Berdasarkan dapatan kajian di atas, secara umumnya kajian deskriptif menunjukkan bahawa kakitangan awam di negeri Terengganu masih mempunyai tahap kefahaman yang tinggi tentang wakaf. Namun demikian, secara lebih khusus tentang kedudukan wakaf tunai, kegunaan wakaf tunai, kaedah berwakaf tunai, manfaat wakaf tunai dan sebagainya ianya berada pada tahap yang berbeza sama ada tinggi, sederhana, dan rendah. Kajian ini juga mendapati bahawa masyarakat lebih mudah memahami tentang wakaf dalam konteks tradisional seperti kegunaan untuk tapak masjid, surau dan kubur berbanding dengan beberapa bentuk wakaf yang lain antaranya untuk kegunaan pusat kesihatan, kegunaan anak yatim dan kepentingan semasa oleh pihak masyarakat. Bagi bentuk promosi wakaf pula, data ini telah menyokong kaedah-kaedah yang telah dilaksanakan oleh pihak MAIDAM seperti pengiklanan dan sebagainya namun yang penting adalah intipati hebahan masih tertumpu kepada bentuk wakaf tradisional berbanding wakaf berbentuk kontemporari. Bagi Ujian Inferensi (T-Test) pula, tahap pendidikan STAM/Diploma dengan Ijazah Sarjana Muda dalam kalangan penjawat awam tidak

mempunyai perbezaan terhadap ‘pengetahuan’ dan ‘promosi’ wakaf tunai, tetapi mempunyai perbezaan mengikut skim perkhidmatan iaitu antara gerd 29-40 dengan 41-48. Justeru, sasaran untuk mempromosikan penting untuk memfokuskan dalam kalangan penjawat awam mengikut skim penjawatan. Akhirnya, hasil ujian ‘Kolerasi *Pearson*’ menunjukkan hubungan kedua pemboleh ubah bersandar ini iaitu ‘pengetahuan’ dan ‘promosi’ berhubung secara positif dengan nilai $P=0.00$ ($P<0.05$) dengan tahap sederhana iaitu $r=0.16^{**}$ dan pihak MAIDAM perlu bertindak terhadap kedua perkara tersebut secara kolektif.

RUJUKAN

- Ab Shatar, W. N., Hanaysha, J. R., & Tahir, P. R. (2021). Determinants of cash waqf fund collection in Malaysian Islamic banking institutions: empirical insights from employees’ perspectives. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 13(2), 177-193.
- Asni, F. A. H. M., & Sulong, J. (2017). Wakaf tunai dan aplikasinya dalam undang-undang di negara ASEAN: Cash waqf and its application in ASEAN Countries’ Laws. *Jurnal Syariah*, 25(2), 217-246.
- Badran, Abu al-Ainayn. (1986). ‘AL-Aḥkam al-Waṣāya al-Awqāf fi al-Syari’ah al-Islāmiyyah’. Kaherah: Dār al-Jami’ah.
- Fauzi, M. H. B. H., Yahya, S., Hanaysha, J. R., Haron, M. S., & Zahrin, S. N. A. (2019). The impact of trust in cash waqf contribution: a case study of wakaf Selangor muamalat (WSM) service of bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB). *International Journal of Business, Economics and Law*, 18(2), 1-10.
- Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin. (2016). ‘Metodologi Penyelidikan’. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, ed 2.
- Ibn Al-Humām, Kamal al-Din Muhammad al-Sakandarī. (1977). “*Syarḥ al-Fath al Qādir*”. Beirūt: Dār Al-Fikr, jld 6, ed 1.
- Ibn Qudāmah, Muhammad Abdullah. (1968). ‘*Al-Mughnī Ibnu Qudāmah*’. t.tp: Maktabah Kaherah, jld 6.
- Ibn Qudāmah, Muhammad Abdullah. (1990). ‘*AL-Mughni*’. Dār Al-Kutub, jld 8, ed 4
- Ibrahim, H., Amir, A., & Masron, T. A. (2013). Cash waqf: An innovative instrument for economic development. *International Review of Social Sciences and Humanities*, 6(1), 1-7.
- Indikator Matlamat Pembangunan Mampan *Sustainable Development Goals ‘SGD’ Indicators* Terengganu (2023). Laman web rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia. <https://open.dosm.gov.my/ms-MY>
- Ismail, N. A., Razak, A. A., & Muhammad, F. (2015). Amalan Wakaf dalam Kalangan Masyarakat Islam di Kota Bharu Kelantan. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 9, 14-25.
- Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji ‘JAWHAR. (2010). Kompilasi Hukum Dan Fatwa Berkaitan Wakaf, Zakat, Haji dan Sumber Am’. Selangor: Najjah One Trading & Services, ed 1.
- Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji ‘JAWHAR’. (2009). Manual Pengurusan Tanah Wakaf’. Kuala Lumpur: Matang Cipta Sdn. Bhd, ed 2.
- Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (2018) *Laporan tahunan MAIDAM 2017*.

- Vol. 1. Kuala Terengganu: Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu.
- Al-Māwardī, (t.t.). ‘*al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*’. taḥqīq oleh Ahmad al-Jād. Kaherah: Dār Hadis. ed.1.
- Mohamad, M. R. (2021). Pelaksanaan Wakaf Am dan Wakaf Khas di Terengganu dan Implikasinya terhadap Mawqūf ‘Alaīh [Implementation of General Waqf and Specific Waqf in Terengganu and Its Implication Upon Mawqūf ‘Alaīh]. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities*, 1(3), 56-64.
- Mohamad, M. R., Mohd, Z., & Nordin, N. (2020). Pembangunan Hotel Wakaf Terengganu (Grand Puteri Hotel) dan Sumbangannya Terhadap Masyarakat Setempat [The Development of The Hotel Wakaf Terengganu (Grand Puteri Hotel) and its Contribution Towards The Local Community]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 3(2), 44-55.
- Mohamad, R., Yusoff, Z. M., & Nordin, N. (2021). Pelaksanaan Istibdāl Bagi Tanah-Tanah Wakaf Di Malaysia: Kajian Perbandingan Antara Hukum Syarak Dengan Perundangan Sivill. *UUM Journal of Legal Studies*, 12(2), 307-331.
- Mustafa, Muhamad. (2010). *Jāmi’ Al-Durūs Al-Arabiyyah*. Kaherah: Dār Ibnu Jauzi, ed 1.
- Al-Nawawi. (2004). ‘*Rawḍatul Ṭālibīn*’. Saudī: Dār Alam, t.tp, jld 4.
- Rafi Yaacob & Mardhiah Kamaruddin. (2019). SPSS Versi 22, Untuk Sains Sosial dan Keusahawanan, Kelantan: Penerbit UMK.
- Ramli, A. M. (2019). Inovasi model wakaf tunai di Malaysia berlandaskan kepada garis panduan Fatwa. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Malaysia*, 18(2).
- Saufi, S., Mohamed, N. A., Saleh, M., Ghani, H. A., & Noor, S. (2021). Kajian terhadap kepercayaan masyarakat terhadap institusi pengurusan waqaf di Malaysia. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 2(2), 83-96.
- Al-Siba’i, Mustafa (1964), *al-Istirākah al-Islāmiyyah*, terjemahan Indonesia, Jakarta: CV Mulia, ed. 1.
- Siti Uzairiah Tobi. 2018. *Kajian kualitatif dan analisis temu bual*. Kuala Lumpur: Aras Publisher.
- Surat rasmi Jabatan Mufti Negeri Terengganu JMN.TR.610/1/6/4JLD.4(41) bertarikh 21 November 2017
- Syed Muhammad Hilal Azizi S.A.A., Safura A.S. & Nur Fikhriah T. (2017). Faktor-Faktor Mempengaruhi Sumbangan Wakaf Tunai Di KUIS. Proceeding Of The 4th International Conference On Management And Muamalah 2017 (Icomm 2017).
- Zulkiflee, N., Wahid, H., & Ahmad, S. (2015). Kesedaran terhadap wakaf tunai: Kajian di besut, Terengganu. In *Proceeding Seminar Fiqh Semasa (SeFis)* (Vol. 2, No. 2011, pp. 1-9). Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.